



www.plm.org.my

## JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (2) Disember 2016 (026-032)

### Penyeragaman Sistem Ejaan Jawi di Negara Asean

Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, Hirman Mohamed Khamis & Norhafiza Alias  
[adi@upm.edu.my](mailto:adi@upm.edu.my), [wanmuhdwsulong@gmail.com](mailto:wanmuhdwsulong@gmail.com), [hirmanx@gmail.com](mailto:hirmanx@gmail.com), [fiza\\_tm@yahoo.com](mailto:fiza_tm@yahoo.com)  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

#### Abstrak

Dalam kalangan negara ASEAN, Brunei merupakan satu-satunya negara yang masih mempertahankan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi di samping tulisan Rumi. Walaupun di negara ASEAN yang lain tulisan Jawi bukan tulisan rasmi, namun tulisan ini masih digunakan terutama di Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Kemboja dan Filipina. Namun begitu, perkembangan sistem ejaan baru hanya dapat dikesan di Malaysia, Brunei dan Singapura yang berpandukan buku *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (DKBM) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Di negara lain, kebanyakannya masih menggunakan sistem ejaan Jawi lama seperti yang terdapat dalam kitab agama di pondok pengajian Islam di sana. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membandingkan dan menyeragamkan ejaan Jawi lama dan baru untuk dicadangkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia supaya dapat diterima dan digunakan di seluruh negara ASEAN. Bagi mencapai tujuan tersebut, tiga buah kitab bercetak yang masyhur di Alam Melayu telah dipilih untuk dibandingkan dengan ejaan Jawi baru DKBM. Kitab tersebut ialah *Munyat al-Mushalli* karangan Syeikh Daud al-Fatani, *Hidayat al-Salikin* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan *Sabil al-Muhtadin* karangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga kitab ini sudah pun menggunakan sistem ejaan yang menyamai sistem ejaan Jawi baharu. Hal ini menunjukkan bahawa usaha penyeragaman sistem ejaan Jawi di negara ASEAN boleh dilakukan.

**Kata kunci:** tulisan, ejaan, Jawi, Melayu, ASEAN

#### Abstract

*Among the nations of ASEAN, Brunei is the only country which maintains Jawi as its official writing system besides the Roman alphabet. In the other nations of ASEAN, Jawi is not an official written language although it is still used especially in Malaysia, Singapore, Indonesia, Thailand, Cambodia and the Philippines. Even so, the development of the new spelling system are found only in Malaysia, Brunei and Singapore, largely based on Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi (DKBM) published by Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. The other countries are still using the old Jawi spelling system which are found in the old religious texts being used by traditional Islamic schools in those countries. Hence, this research is to compare and to standardize between the old and the new systems of Jawi spelling, as a recommendation to Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia for acceptance and usage among the ASEAN countries. In order to achieve this, three renowned books (printed) in the Malay World have been selected to be compared with the new spelling system of the DKBM. The books are Munyat al-Mushalli by Syeikh Daud al-Fatani, Hidayat al-Salikin by Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan Sabil al-Muhtadin by Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. The research findings show that all three books have already used spelling systems which are similar to the new Jawi spelling system. This proves that the standardization of the Jawi spelling system for ASEAN countries is possible.*

**Keywords:** writing, spelling, Jawi, Malay, ASEAN

#### 1. Pendahuluan

Negara ASEAN terdiri daripada 10 buah negara, iaitu 10 Negara, iaitu Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja. Tulisan Jawi pernah menjadi tulisan rasmi di kepulauan Melayu yang merupakan sebahagian besar daripada Asia Tenggara sekarang yang menjadi anggota kepada negara-negara ASEAN. Tulisan ini merupakan adaptasi tulisan Arab yang mula digunakan di Nusantara selepas kedatangan Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan tulisan Jawi

pada Batu Bersurat Terengganu (1303 M) yang boleh dianggap sebagai piagam undang-undang rasmi yang digunakan di negeri Terengganu pada zaman peluasan empayar Majapahit (Blagden, 1924). Begitu juga dengan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang dipercayai telah digunakan sejak abad ke-15 juga ditulis dalam tulisan Jawi. Seluruh pedagang, pendakwah dan sesiapa sahaja yang datang ke Melaka dari hampir seluruh pelosok dunia pada waktu itu dikatakan terikat dengan undang-undang ini. Selepas kejatuhan Melaka 1511, pusat perdagangan antarabangsa di kepulauan Melayu berpindah ke Aceh dan kemudiannya ke Kedah sekitar abad ke-17 hingga ke-18 (Mohd Sukki dan Adi Yasran, 2012). Semua dokumen rasmi kerajaan pada waktu itu ditulis dalam tulisan Jawi, termasuklah kitab perundangan, kitab keagamaan, surat-menyurat, dokumen perjanjian dan sebagainya sehingga pertengahan abad ke-20. Malangnya pada hari ini, hanya negara Brunei sahaja yang masih mengekalkan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi negara. Di Malaysia sendiri, tulisan Jawi telah digantikan dengan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi sejak tahun 1963.

Sebelum itu, pelbagai ilmu pengetahuan termasuklah ilmu agama, perubatan, matematik, astronomi, sains dan teknologi, bahasa, sastera, sejarah dan sebagainya ditulis dalam tulisan Jawi. Selain daripada bahasa Melayu, tulisan Jawi juga digunakan dalam bahasa Aceh dan Jawa. Ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi itu sendiri merentasi sempadan negara dan bahasa. Walau bagaimanapun tulisan Jawi berbahasa Melayulah yang paling dominan di kepulauan Melayu atau Nusantara. Hal ini dapat dibuktikan melalui kitab agama yang masyhur dan tersebar luas di Alam Melayu ditulis dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu. Antaranya ialah kitab *Munyat al-Mushalli* karangan Syeikh Daud al-Fatani, *Hidayat al-Salikin* karangan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan *Sabil al-Muhtadin* karangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Ketiga-tiga kitab ini mewakili 3 buah negeri Melayu yang berbeza, iaitu Patani di Selatan Thai, Palembang di Sumatera dan Banjarmasin di Kalimantan. Semuanya masih digunakan sehingga sekarang. Walaupun sudah banyak kajian dibuat tentang ketiga-tiga kitab ini, namun fokus kajian mereka lebih bertumpu kepada transliterasi dan anotasi, analisis kandungannya dan ketokohan pengarangnya tetapi tidak memfokuskan kepada sistem tulisan Jawi yang terdapat dalam kitab tersebut secara menyeluruh.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membandingkan ketiga-tiga kitab ini dengan buku *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (DKBM) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia yang menjadi panduan di Malaysia, Brunei dan Singapura. Tujuan perbandingan ini dibuat adalah untuk menilai kebolehterimaan masyarakat rumpun Melayu-Islam terhadap sistem ejaan Jawi baharu sebagaimana mereka boleh menerima sistem ejaan yang terdapat dalam ketiga-tiga teks bercetak yang dikaji. Oleh sebab ketiga-tiga teks yang dikaji merupakan cetakan klise timah (Wan Mohd Shaghir, 1997), iaitu plat timah yang sudah biasa digunakan dalam pencetakan, maka sudah tentu sedikit sebanyak mempengaruhi bentuk hurufnya walaupun mungkin bentuk penulisan manuskrip asalnya berbeza terutama pada huruf ف yang digunakan untuk mengeja kedua-dua huruf *fa* untuk *pa* sedangkan huruf ف sudah digunakan sejak abad ke-16 (Adi Yasran, 2015), *kaf* dan *ga* di akhir kata yang dieja menggunakan bentuk huruf Arab, iaitu ك dan گ sedangkan bentuk kaf Melayu di akhir kata (ك) telah digunakan sejak zaman Batu Bersurat Terengganu (1303M) lagi. Begitu juga dengan hamzah yang ditinggikan tiga suku daripada kedudukan biasa tanpa rumah seperti yang ada sekarang juga tiada dalam teks yang dikaji. Manakala penggunaan kata pinjaman Inggeris pula tidak dapat dikesan. Oleh itu, bentuk penulisan sebegini dan kata pinjaman bahasa Inggeris tidak relevan dalam kajian ini. Kajian ini dibuat secara kualitatif, iaitu hasil analisis dibuktikan dengan mengemukakan contoh penggunaannya sahaja tanpa mengambil kira berapa banyak contoh yang ada dan berapa kerap telah digunakan.

## 2. Kitab Hidayat al-Salikin (1778M)

Kitab *Hidayah al-Salikin* atau nama lengkapnya “*Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*” (هداية السالكين في سلوك مسلك المتقين) dan terjemahan judulnya “Petunjuk bagi Orang yang Berjalan di Jalan Orang yang Bertaqwa” merupakan sebuah karya yang dihasilkan oleh seorang tokoh ulama Melayu terbilang iaitu Syeikh ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani ketika beliau berada di Mekah. Karya ini selesai ditulis pada hari Selasa 5 Muharam 1192H bersamaan 3 Februari 1778M. Namun, lebih kurang seratus tahun selepas itu, iaitu pada tahun 1881M barulah ia dapat diterbitkan. Kitab ini merupakan kitab Melayu / Jawi pertama yang ditashihkan dan kemudian dicetak, hasil daripada inisiatif sebuah badan pentashih di Makkah dan Mesir pada ketika itu yang diketuai oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Wan Mohd Shaghir, 2015). Bagaimanapun kitab yang dikaji ini ialah versi cetakan Darul-Fikir, Kuala Lumpur (tanpa tahun) yang mengandungi 315 halaman, lengkap dengan fihrasat (senarai kandungan) pada halaman 310 hingga 315 dengan 20 baris bagi satu halaman penuh.

## 3. Kitab Sabil al-Muhtadin (1779M)

Kitab Sabil al-Muhtadin atau nama penuhnya *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amri al-din* (سبيل المهتدين للتفقه في امر الدين) yang bermaksud “Jalan Orang yang Mencari Hidayah untuk Mendalami Urusan Agama”

merupakan kitab yang sangat masyhur karangan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Kitab ini selesai ditulis pada hari Ahad, 27 Rabiulakhir 1195H bersamaan 22 April 1781M. Kitab ini mengandungi fiqah bahagian ibadah dalam mazhab syafii yang paling terkenal di seluruh nusantara era kegemilangan tulisan Jawi (Wan Mohd Shaghir 2015). Kitab bertulisan Jawi yang dikaji ini dicetak di Thailand oleh *Maktabah wa Matbaah Muhammad al-Nahri wa Auladahu* (tanpa tahun) dan terdiri daripada dua jilid yang disatukan. Jilid I mengandungi 252 halaman, manakala jilid kedua mengandungi 272 halaman. Kitab ini dicetak bersama-sama dengan kitab *Sirat al-Mustaqim* karangan Sheikh Nuruddin Jailani bin Ali Hasanji bin Muhammad Hamid al-Raniri di bahagian tepinya, sesuai dengan kandungannya yang memperluaskan kandungan kitab *Sirat al-Mustaqim*. Kedua-dua jilid kitab *Sabil al-Muhtadin* ini dilengkapi dengan fihrasat dan dicetak 32 hingga 34 baris satu halaman penuh bergantung kepada cetakan tepinya.

#### 4. Kitab Munyat al-Mushalli (1827)

Kitab *Munyat al-Mushalli* siap dikarang pada 15 Zulhijjah 1242H bersamaan 10 Julai 1827M oleh Sheikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Jawi al-Fatani al-Malayuwi yang diriwayatkan hidup antara tahun 1769 hingga 1846. Kitab ini telah dicetak berpuluh-puluh kali dalam tulisan Jawi sejak cetakan pertamanya pada tahun 1310H/1892M kerana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sehingga ke hari ini (Ismail Che Daud, 2012) walaupun terpaksa bersaing dengan kitab yang sama dalam versi tulisan Rumi sejak akhir-akhir ini. *Munyat al-Mushalli* (منية المصلى) yang bermaksud “cita-cita orang solat” membicarakan hukum fiqah yang berkaitan dengan solat. Versi yang dikaji ialah versi terbitan Percetakan al Mu’arif Sdn. Bhd. (tanpa tahun). Kitab ini bertulisan Jawi, dicetak bersama bab *Tatmim al-Faedah* dan risalah *al-Bahjatul Mardhiah* yang juga dikarang oleh beliau pada hujung kitab tersebut. Kitab *Munyat al-Mushalli* sahaja mengandungi 31 halaman termasuk halaman judul dengan 31 baris pada setiap halaman kecuali halaman judul, halaman kedua dan halaman terakhir, tetapi tidak mengandungi fihrasat.

#### 5. Sistem Ejaan Jawi Baharu

Sistem ejaan Jawi baharu merujuk kepada sistem ejaan Jawi yang termuat dalam Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) yang disisipkan sebagai satu bahagian dalam Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi – Sebutan – Jawi Edisi Kedua (DKBM) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008. Pedoman ejaan Jawi tersebut masih mematuhi prinsip ejaan Jawi Za’ba, iaitu ekonomi (menggunakan huruf yang minimum), kepastian (mudah dibaca) dan ramai pengguna (Mohd Hussein, 2002). Berdasarkan PUEJBM sistem ejaan Jawi mempunyai banyak kaedah yang perlu dikuasai sebelum seseorang dapat membaca dan menulis Jawi dengan tepat dan lancar. Walau bagaimanapun beberapa kaedah ejaan Jawi yang penting boleh dibincangkan di bawah dua tajuk utama, iaitu Pelambangan Vokal dan Pelambangan Konsonan. Dalam PUEJBM aspek yang dibincangkan di bawah tajuk Pelambangan Vokal merangkumi kaedah mengeja semua vokal bahasa Melayu, iaitu /a/, /i/, /e/ e taling, /ə/ e pepet, /o/ dan /u/. Manakala perbincangan tentang pelambangan konsonan pula hanya tertumpu kepada *va* (ڤا), *qaf* (قاف) dan *ta marbutah* (تاء) sahaja. Dalam teks yang dikaji tidak ditemui kata serapan Inggeris, akronim dan singkatan. Oleh itu, perkara ini tidak dibincangkan.

#### 6. Pelambangan Vokal

Dalam sistem ejaan Jawi sekarang, ada empat huruf vokal dan dua gabungan huruf vokal (digraf) yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal bahasa Melayu baku. Huruf-huruf tersebut ialah *alif* (ا), *ya* (ي), *ye* (ي) dan *wau* (و) serta gabungan huruf *alif-ya* (اي) dan *alif-wau* (او) (DKBM 2008). Secara umumnya, semua bunyi vokal bagi kata Melayu jati dalam DKBM diberikan lambang dalam ejaan. Namun terdapat beberapa keadaan lambang vokal tidak digunakan, iaitu:

- i. Bunyi /a/ dalam suku kata tertutup.

Huruf *alif* tidak dilambangkan pada bunyi /a/ yang didahului dan diakhiri oleh huruf konsonan seperti perkataan *sampan* (سمفن) kecuali kata ekasuku yang didahului oleh *wau* seperti *wang* (واغ), homograf seperti *pantas* (فانتس) yang asalnya berhomograf dengan *pentas* (فنتس), dan kata *dan* (دان). Kaedah ini digunakan dalam ketiga-tiga teks. Contohnya, *dengan* (دغن) (HS), *akan* (اكن) (SM) dan *amat* (امت) (MM). Namun begitu, bagi kekecualiannya, hanya perkataan *dan* sahaja yang ditemui dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa homograf dibiarkan sahaja berlaku tanpa penambahan *alif* seperti ejaan *tandas* (تندس) (HS). Keadaan ini membolehkan ejaan Jawi klasik terus kekal tanpa tertakluk kepada perubahan semasa bahasa Melayu itu sendiri, khususnya penerimaan kata masukan baharu ke dalam Kamus Dewan yang menjadi kamus pegangan di Malaysia. Berdasarkan sistem yang ada sekarang, jika berlaku homograf, maka huruf *alif* yang dikenali sebagai *alif pembeza* akan ditambah pada bunyi /a/ di suku kata yang mengalami homograf tersebut. Ini bermakna,

semakin banyak kata masukan baharu diterima, maka kemungkinan berlaku homograf juga semakin besar yang menyebabkan sistem ejaan Jawi tidak tekal (lihat Adi Yasran dan Hashim Musa, 2008).

ii. Bunyi e pepet ditengah kata.

Bunyi e pepet ditengah kata terdapat dalam ketiga-tiga teks yang dikaji, sama ada dalam suku kata terbuka atau tertutup. Misalnya, *dengan* (دغڠن) (HS), *besar-besar* (بسر ڤسر) (SM), *negeri* (نڠرى) (MM). Ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan ejaan dari segi pelambangan bunyi e pepet antara Jawi klasik dengan Jawi Moden.

iii. Mengikuti kaedah luar darlung.

Mengikuti kaedah luar darlung bunyi *alif* di akhir kata yang bermula dengan salah satu huruf selain *dal*, *ra*, *lam*, *wau*, *nga* (kecuali *ha*) tidak dilambangkan apabila bunyi /a/ hadir dalam suku kata terbuka praakhir dan akhir. Kaedah ini diambil daripada kaedah darlung yang mempunyai syarat yang sama tetapi suku kata akhirnya dimulai dengan salah satu huruf tersebut dan diberikan lambang *alif*. Kaedah luar darlung ini terdapat dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Misalnya, *nama* (نام) (HS), *masa* (ماس) (SM) dan *mata* (مات) (MM).

iv. Kaedah *ha* (ه).

Dalam makalah ini kaedah *ha* mempunyai syarat yang sama dengan kaedah luar darlung dan darlung kecuali bunyi /a/ di suku kata akhir bermula dengan huruf *ha* seperti *paha* (ڤها) dan *usaha* (اوسها). Mengikuti kaedah ini, suku kata praakhir pula yang tidak dilambangkan dengan *alif*. Kaedah ini ditemui dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Misalnya, *maha* (مها) (HS), *paha* (ڤها) (SM) dan *anugeraha* (انڠرها) (MM). Kaedah *ha* ini berbeza dengan hukum *ha* dan *aha* sebelum ini (lihat Matlob 2003). Hukum *ha* dan *aha* seperti dalam Matlob dibincangkan di bawah tajuk Pengejaan Kata Dasar Tiga Suku Kata atau Lebih seperti yang terdapat dalam PUEJBM.

v. Kaedah *ka* dan *ga*.

Mengikuti hukum ini, semua bunyi *ka* dan *ga* di akhir kata hendaklah dieja tanpa *alif* kecuali yang didahului oleh bunyi e pepet pada suku kata praakhirnya seperti *teka* (تکا) dan *lega* (لگا), dan jika berlaku homograf seperti *bek* (بيک) – *beka* (بيکا), *beg* (بيگ) – *bega* (بيگا). Hukum *ka* dan *ga* ini terdapat dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Misalnya, *muka* (موک), *maka* (مکا / مک) tiga (تيگ / تیک) (HS), *mereka* (مريک), *hingga* (هنگگ) (SM), *suka* (سوک), *syurga* (شركا / شرک) (MM). Walaupun terdapat juga bunyi *ka* dan *ga* yang menggunakan *alif* di akhir kata, namun hal ini jarang berlaku dan tidak boleh dianggap sebagai satu kaedah atau sistem.

vi. Pengejaan kata dasar tiga suku kata atau lebih.

Bunyi /a/ yang bermula dengan konsonan di suku kata awal kata tiga suku kata atau lebih seperti *baginda* (بگيندا) tidak diberikan lambang *alif* kecuali kata yang bermula dengan *wau* seperti *wacana* (واچان). Ketiadaan *alif* pada suku kata pertama terbuka berbunyi /a/ ini juga berlaku dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Misalnya, *bahasa* (بهاس) (HS), *bahagi* (بهائی) (SM), *dahulu* (دهولو) (MM). Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa terdapat contoh yang menunjukkan bahawa *alif* juga tidak diletakkan pada suku kata kedua dan ketiga seperti contoh *pahala* (ڤهالا), *bahawa* (بهوا / بهو), *matahari* (متهارى) dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa penambahbaikan sistem ejaan Jawi baharu mengambil jalan tengah, iaitu tanpa menghapuskan terus ciri ejaan Jawi lama sambil mematuhi prinsip yang telah diasaskan oleh Za'ba.

vii. Pengejaan akhiran –an.

Menurut kaedah ini, hanya kata dasar yang berakhir dengan huruf *wau* sahaja yang dieja dengan menambah *alif* sebelum *nun* (ان). Bagi kata dasar yang berakhir dengan bunyi /a/ dieja *hamzah nun* (ن), manakala bagi kata dasar berakhiran –an yang lain hanya ditambah *nun* sahaja. Kaedah ini juga terdapat dalam ketiga-tiga teks yang dikaji. Misalnya, *kebaktian* (کبکتين), *permulaan* (فرملان) dan (HS), *pengajaran* (ڤڠاجرن), *pekerjaan* (ڤکرجائن) (SM), *kejadian* (کجدين), *ketiadaan* (کتيدائن) (MM). Berdasarkan contoh di atas, kaedah ejaan imbuhan –an mirip ejaan sekarang kecuali seperti yang terdapat dalam HS yang tidak menggunakan *hamzah* sebelum *nun* bagi kata dasar yang berakhir dengan bunyi [a] dan penyediaan rumah bagi *hamzah* dalam SM dan MM. Namun begitu, penambahbaikan dan penyeragaman yang dibuat hanya melibatkan *hamzah*, bukannya *alif*.

## viii. Pengecualian aturan ejaan.

Dalam DKBM disenaraikan 15 kata yang dikecualikan daripada kaedah di atas, iaitu *ada, apa, beta, dari, daripada, ia, ini, itu, jika, kepada, kita, lima, maka, pada dan demikian*. Pengecualian aturan ejaan ini juga mirip ejaan tua (Za'ba, 1949) dan ejaan tradisi (Matlob 2003). Dalam DKBM edisi pertama senarai tersebut dikatakan sebagai "...senarai contoh perkataan yang dikecualikan daripada beberapa aturan pengejaan yang diterangkan sebelum ini..." dengan tambahan kata *bin* dan *binti*. Berdasarkan keterangan tersebut dan contoh yang diberikan dalam DKBM edisi pertama dan kedua pengecualian ini berlaku disebabkan ketiadaan huruf vokal pada ejaan yang sepatutnya ada huruf vokal bagi kata Melayu jati. Perkataan 'contoh' dalam DKBM edisi pertama ini membayangkan ada lagi contoh lain seperti *manusia, manusiawi, di, dia* dan *iaitu*. Walaupun *manusia* asalnya kata serapan Sanskrit *manusya* (Jones, 2008), namun perubahan dari segi bunyi dan ejaannya kepada *manusia* menyebabkan kata ini dianggap sebagai kata Melayu jati. Hal ini berbeza dengan *syurga*, walaupun dieja tanpa vokal *wau* tetapi masih mengekalkan konsonan 'sy' (شرك). Begitu juga dengan *firman*, kata serapan Parsi yang masih mengekalkan konsonan /f/ walaupun dieja tanpa ya (فرمان). Semua contoh tambahan ini kecuali *iaitu*, berdiri sendiri sebagai satu entri dalam *Kamus Dewan*. Perkataan *iaitu* turut dimasukkan walaupun dianggap subentri kepada entri *ia* kerana pengecualiannya berlaku pada suku kata akhir – *tu* yang dieja tanpa *wau*, bukannya pada *ia-* yang telah ditambah *alif*.

Perkataan *ada* (dan *tiada*) boleh dianggap sebagai kekecualian daripada kaedah darlung, manakala perkataan *apa* termasuk dalam kaedah luar darlung. Perkataan *bin* dan *binti* pula telah dikeluarkan daripada DKBM edisi kedua, dipercayai kerana kedua-duanya kata serapan Arab. Oleh itu, terdapat 18 kata yang dikecualikan daripada aturan ejaan sedia ada. Kebanyakan kata yang dikecualikan tersebut ditemui dalam ketiga-tiga teks yang dikaji dengan ejaan yang kebanyakannya sama seperti sekarang seperti *ini* (این), *pada* (فد), *kita* (کیت), *daripada* (درفد), *itu* (ایت), *maka* (مک), *kepada* (کفد), *iaitu* (یایت / یانت), *di* (د), *dari* (دری / در), *dia* (دی), *demikian* (دمکین), *ia* (ای / ای), *manusia* (مانسی), *lima* (لیم), *jika* (جیک / جک) (HS, SM dan MM). 16 kata yang ditemui ini menunjukkan bahawa pengecualian aturan ejaan ini telah berlaku sejak dahulu lagi (tanpa mengambil kira perbezaan pada *ya* yang tidak bertitik diakhir kata yang menjadi kelaziman dalam ketiga-tiga teks yang dikaji). Walau bagaimanapun didapati ejaan manusia adalah tekal dan seragam tanpa hamzah (مانسی), berbeza dengan ejaan sekarang, iaitu dengan hamzah (مانسی). Jika ejaan tanpa hamzah ini diterima, maka ejaan ini bertepatan dengan sistem sebutan baku bahasa Melayu, iaitu [ma.nu.sia] seperti yang terdapat dalam DKBM, bukannya [ma?.nu.sia]. Ejaan lain bolehlah dianggap sama dengan ejaan sekarang walaupun sesetengahnya bervariasi.

## 7. Pelambangan Konsonan

Berdasarkan fungsinya, terdapat 35 huruf konsonan dalam tulisan Jawi termasuklah *wau* (و) dan *ya* (ي) yang boleh berfungsi sebagai huruf konsonan dan vokal (dalam PUEJBM disebut 33 huruf sahaja). Kebanyakannya boleh dipadankan dengan huruf Rumi secara satu lawan satu kecuali padanan bagi bunyi huruf *ta marbutah* (ة), *ain* (ع), *qaf* (ق) dan *hamzah* (ء). Walau bagaimanapun PUEJBM hanya membincangkan pelambangan *va* (ج), *qaf*, dan *ta marbutah* secara khusus di bawah tajuk *Pelambangan Konsonan*, manakala pelambangan konsonan *hamzah* (ء) dibincangkan di bawah tajuk *Bentuk Huruf dan Cara Penulisannya*. Dalam kajian ini *hamzah* dibincangkan di bawah *Pelambangan Konsonan* kerana konsonan merupakan fungsi asal *hamzah*. Manakala padanan bagi *ain* pula tidak dibincangkan secara khusus kerana masalahnya pada tulisan Rumi bukannya Jawi yang telah digunakan secara tekal dan seragam untuk kata serapan Arab. Begitu juga dengan konsonan *va* yang telah ditambah dalam *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* (PEJYD) (1986) bagi mengeja konsonan /v/ yang tentunya tiada dalam teks yang dikaji.

### i. Hamzah (ء)

Terdapat sebanyak tujuh (7) peraturan telah ditetapkan bagi penulisan huruf *hamzah* dalam DKBM. Walau bagaimanapun kajian ini memilih peraturan yang berkaitan dengan teks yang dikaji sahaja, iaitu kata Melayu jati dan kata serapan Arab. Bagi kata Melayu jati, hamzah yang ditinggikan tiga suku daripada garis bawah tanpa rumah (hamzah  $\frac{3}{4}$ ) (ة) telah diperkenalkan, namun tidak terdapat dalam teks yang dikaji. Ketiga-tiga teks yang dikaji masih menunjukkan bentuk hamzah Arab tetapi sesetengahnya telah menunjukkan fungsi yang berbeza. Misalnya, *lain* (لائن) dan *jauh* (جاءه) (HS). Walaupun contohnya tidak banyak, namun penemuan ini amat berharga kerana kaedah ejaan inilah yang digunakan pada hari ini untuk memisahkan dua vokal rangkap kepada dua suku kata yang berbeza tanpa diselangi bunyi vokal mahupun konsonan. Ejaan Jawi sekarang bagi perkataan lain ialah لاين, manakala bagi ejaan jauh pula ialah جاءوه. Oleh itu, gabungan kaedah lama dan baharu ini telah memantapkan lagi sistem ejaan Jawi.

Penulisan hamzah kata serapan Arab pula didapati tidak berubah dalam DKBM kecuali penggunaan hamzah  $\frac{3}{4}$  pada sesetengah ejaan. Misalnya, kata *mukmin* yang sekarang ini dieja dengan hamzah  $\frac{3}{4}$  (موءمن) sedangkan dalam teks yang dikaji ejaan Arabnya masih dikekalkan iaitu مؤمن yang meletakkan hamzah di atas *wau*. Manakala kedudukan hamzah bagi kata serapan Arab yang menjadikan *alif* sebagai rumahnya telah digugurkan kecuali pada perkataan *Islam* (إسلام) dan *waimma* (واما). Walau bagaimanapun, didapati perkataan *Islam* dalam ketiga-tiga teks yang dikaji tidak diletakkan hamzah di bawahnya, iaitu اسلام. Hal ini menunjukkan bahawa pembuangan hamzah, khususnya pada *alif* telah wujud sejak dahulu lagi. Malah, didapati kitab *Mastika Hadis* jilid ketiga (Abdullah, 1995) masih mengeja *Islam* tanpa hamzah di bawah *alif*. Dapatan ini telah membuka ruang kepada penggubal kaedah ejaan Jawi supaya menilai semula kekebalan hamzah di bawah alif pada perkataan *Islam* dan boleh dikiaskan juga penggunaannya pada kata *waimma*.

## ii. Ta marbutah (ة)

Dalam DKBM *ta marbutah* yang letaknya hanya di akhir kata, dikhususkan untuk kata serapan Arab sahaja. Namun tidak semua *ta marbutah* dalam kata serapan Arab dikekalkan penulisannya seperti bahasa sumber. Menurut PUEJBM *ta marbutah* dalam bahasa Arab boleh digantikan sama ada dengan *ta maftuhah* (ت) seperti surat (سورت), *ha* (ه) seperti ziarah (زياره), atau dikekalkan sebagai *ta marbutah* seperti aurat (عورة). Antara contoh penggunaan *ta marbutah*, *ta maftuhah* dan *ha* di akhir kata dalam teks yang dikaji ialah *amat* (امة), *takut* (تاكوت / تاكاة), *manfaat* (منفعة) (HS), *nikmat* (نعمة), *amat* (امت / أمة), *faedah* (فائده), *naskhah* (نسخه), *sahihah* (صحيحه) (SM), *risalah* (رسالة), *amat* (امت), *lazat* (لذة), *khidmat* (خدمة), *tempat* (تمفة), *kalimah* (كلمة), *seperti* (سفرة), *sifat* (صفة), *taat* (طاعة), *fatihah* (فاتحه), *jamaah* (جماعة) (MM). Berdasarkan contoh yang diberikan dan contoh-contoh lain dalam teks yang dikaji, didapati semua ejaan kata serapan Arab yang berakhir dengan *ta marbutah* tetapi berakhir dengan bunyi [t] dalam bahasa Melayu akan dieja dengan mengekalkan *ta marbutah*, manakala yang berakhir dengan bunyi [h] dieja dengan *ta marbutah* atau *ha*. Tidak ditemui kata serapan Arab yang berakhir dengan *ta marbutah* dalam bahasa sumber dieja dengan *ta maftuhah* dalam tulisan Jawi. Hal yang sama didapati berlaku dalam tradisi penulisan bahasa Arab, iaitu *ta marbutah* kadang-kadang dieja dengan *ha* sahaja, tetapi bukan *ta maftuhah*. Oleh itu, penukaran *ta marbutah* kata serapan Arab kepada *ta maftuhah* dalam tulisan Jawi sekarang seperti *manfaat* (منفعت), *nikmat* (نعمت), *khidmat* (خدمت) dan *sifat* (صيفت) perlu dinilai semula. Walau bagaimanapun, contoh di atas dan contoh lain dalam teks kajian menunjukkan bahawa ejaan *ta marbutah* di akhir kata tidak tekal dan tidak seragam. Oleh itu, penetapan ejaan *ta marbutah* hanya untuk kata serapan Arab dan *ta maftuhah* untuk bunyi [t] bagi kata Melayu jati dalam ejaan Jawi sekarang adalah wajar.

## iii. Qaf (ق)

Menurut DKBM, huruf *qaf* digunakan untuk melambangkan bunyi hentian glotis di akhir suku kata bagi kata Melayu jati seperti *batik* (باتيق) dan bunyi [q] seperti *Quran* (قرءان) dan [k] seperti *baki* (باقي) bagi kata serapan Arab. Dalam teks yang dikaji didapati bunyi hentian glotis dalam kata Melayu jati dieja dengan dua cara, iaitu dengan *qaf* seperti banyak (بايق) dan dengan *kaf* seperti baik (بانك) (HS). Walau bagaimanapun penggunaannya tidak bersistem yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam pengejaannya. Oleh itu, penambahbaikan terhadap isu ini seperti yang dilakukan oleh DKBM di atas adalah wajar. Bagi kata serapan Arab, didapati pengejaan huruf *qaf* dalam ketiga-tiga teks yang dikaji masih mengekalkan bentuk asal bahasa sumbernya.

## 8. Kesimpulan

Berdasarkan analisis di atas dapatlah disimpulkan bahawa pelambangan vokal dan konsonan yang terdapat dalam sistem ejaan Jawi sekarang merupakan kesinambungan daripada ejaan Jawi klasik yang terdapat dalam teks kajian. Namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam usaha penambahbaikan ejaan Jawi pada masa akan datang. Antaranya ialah dua kata dasar yang mempunyai suku kata tertutup yang ditambah alif pembeza bagi mengelakkan homograf berlaku. Perkara ini perlu dinilai semula dan dihentikan dengan kadar segera supaya sistem ejaan yang ada sekarang akan berkekalan. Selain itu, kaedah ejaan *ha* seperti yang dibincangkan perlu dimasukkan ke dalam sistem ejaan Jawi baharu bagi melengkapkan lompong kaedah darlung dan luar darlung. Bagi pengecualian ejaan pula, didapati senarai yang dikemukakan dalam PUEJBM perlu ditambah beberapa perkataan termasuklah perkataan *manusia* dan *manusiawi* yang sepatutnya dieja tanpa hamzah. Bagi perlambangan konsonan pula dicadangkan supaya penggunaan hamzah pada *alif* kata serapan Arab dihapuskan sepenuhnya untuk tujuan penyeragaman. Selain itu, penggunaan *ta marbutah* bagi kata serapan Arab perlu dikekalkan atau diubah kepada *ha* sahaja dalam ejaan Jawi mengikut kesesuaian bunyinya dalam bahasa Melayu. Dapatan ini perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan oleh penggubal ejaan Jawi pada masa akan datang supaya sistem ejaannya lebih tekal dan mesra pengguna serta menjadi pedoman bagi penutur bahasa Melayu di negara ASEAN lain khususnya yang masih menggunakan tulisan Jawi.

## Bibliografi

- 'Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani (t.th). *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Muhammad Basmeih (1995). *Mastika Hadis Rasulullah SAW* (Jilid Ketiga). Kuala Lumpur: Bahagian Hal-ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2015). Kearifan Tempatan dalam Sistem Tulisan Jawi Terawal di Nusantara, dlm. Muhammad Zainiy Uthman (ed.), *Bangsa, Kebangsaan dan Patriotisme*. Kuala Lumpur: CASIS UTM dan Akademi Kenegaraan BTN. Hlm. 179-204.
- Adi Yasran dan Hashim Musa (2008). Isu *Homograf* dan Cabarannya dalam Usaha Pelestarian Tulisan Jawi. *Jurnal Aswara*. Bil. 3, hlm. 109-126.
- Blagden, C.O. (1924). "A Note on the Trengganu Inscription", *JMBRAS*, Vol. II, Pt. 3, pp. 258-263.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi*, Edisi Pertama dan Kedua (2005/2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud bin Abdullah al-Fatani (t.th). *Munyat al-Mushalli*. Pulau Pinang: Percetakan al Mu'arif Sdn. Bhd.
- Ismail Che Daud (2012). Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1) (Edisi Keempat). Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Jones, R. (ed.) (2008). *Loan-Words in Indonesia and Malay*. Jakarta: KITLV.
- Matlob (2003). *Modul Cepak Jawi*, Siri 5. Kuala Lumpur: Penerbitan Matlob.
- Mohd Hussein Baharudin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz. Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya, dlm. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, vol. 19(1): 1-16, 2012.
- Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (t.th). *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amri al-din*. Thailand: Maktabah wa Matbaah Muhammad al-Nahri wa Auladahu.
- Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (1997). Tulisan Melayu/Jawi dalam Manuskrip dan Kitab Bercetak: Suatu Analisis Perbandingan dlm. *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. Hlm. 87-110.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2015). *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zainal 'Abidin bin Ahmad (Za'ba) (1949). *Daftar Ejaan Melayu*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College.